

Konsep Wasiat

Wasiat berasal daripada perkataan Arab iaitu wasa yang bermaksud membuat janji.

Wasiyyah (wasiat) dalam bahasa Arab bermaksud sesuatu yang diwasiatkan

Dari segi bahasa merangkumi wasiat terhadap harta atau selain harta.

Penggunaan istilah wasiat dari segi syarak hanya merujuk kepada wasiat harta sahaja.

Definisi Wasiat

Wasiat adalah lqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya untuk menyempurnakan sesuatu kebijakan selepas dia mati.

Wasiat juga satu dedikasi untuk memindah milik harta selepas kematian pewasiat.

Satu akad yang didedikasikan semasa hayat pemilik harta untuk memindahmilikkan hartanya kepada waris yang hanya berkuatkuasa selepas kematianya.

Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta

Ialah sebahagian daripada sistem perwarisan Islam di samping faraid, hibah, wakaf, dan sebagainya.

Penggunaan setiap instrumen syariah adalah bergantung kepada keperluan, situasi, dan kehendak pemilik harta.

Wasiat boleh digunakan untuk Instrumen tersebut bagi seseorang yang memiliki keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana perbezaan agama.

Wasiat boleh juga digunakan sebagai instrumen ini kepada seseorang memiliki harta yang banyak.

Pelaksanaan Wasiat

Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat	Sijil Kematian perlu diberikan kepada pihak MAIS oleh pewaris setelah pewasiat meninggal dunia.
---------------------------------------	---

Pelaksanaan Wasiat (cont)

Pembacaan Wasiat	Pembacaan dokumen wasiat bertulis dilakukan di hadapan penerima wasiat, waris-waris, dan saksi-saksi mengikut tempat yang dipersetujui bersama.
------------------	---

Siasatan	Pihak MAIS menjalankan siasatan harta pewasiat dan memastikan kewujudan penerima wasiat Seksyen 17.
----------	---

Pengesahan Wasiat	Pemohon menyatakan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon dan melampirkan bersama maklumat yang terperinci berkaitan wasiat.
-------------------	--

Prosedur Wasiat

Menggunakan undang-undang terpakai untuk wasiat orang Islam adalah hukum syarak.

Orang bukan Islam menggunakan undang-undang sivil yang berdasarkan undang-undang Inggeris.

Undang-undang wasiat orang Islam menggunakan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori melibatkan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai wasiat dalam statut Pentadbiran Agama Islam dan statut Mahkamah Syariah.

Pembentukan Wasiat

Permohonan	Borang Permohonan Wasiat (Bo rang A) diisi oleh seseorang untuk membuat wasiat Seksyen 3, Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat.
------------	--

Pembentukan Wasiat (cont)

Dokumen Sokongan dan Saksi	Pihak MAIS menggunakan dokumen sokongan dan dua orang saksi Seksyen 4(1) dan (2) untuk pembuktian wasiat.
----------------------------	---

Pendaftaran	Permohonan wasiat yang diterima akan didaftarkan ke dalam Daftar Wasiat Seksyen 6(1), Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat.
-------------	--

Penyediaan Dokumen Wasiat Bertulis	Pewasiat perlulah melengkapkan Dokumen Wasiat Bertulis dengan maklumat yang penting.
------------------------------------	--

Penyimpanan	Dokumen Wasiat Bertulis hendaklah dibuat dalam dua salinan, untuk simpanan MAIS dan pewasiat.
-------------	---

Pindaan atau Pembatalan Wasiat	Pewasiat mempunyai hak untuk membatalkan wasiat sebelum hari kematianya.
--------------------------------	--

Pengemaskinian Status Pewasiat	Pihak MAIS akan merekod setiap maklumat daripada pewasiat, dalam bentuk bertulis atau lisan untuk memastikan pewasiat masih hidup.
--------------------------------	--

	Maklumat direkod setiap tempoh 3 hingga 6 bulan sekali.
--	---

By Razif (muhdrazif34)

cheatography.com/muhdrazif34/

Published 27th June, 2020.

Last updated 27th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>